AKHBAR : BERITA HARIAN

HARI : JUMAAT

TARIKH : 31 JANUARI 2014

Pemantauan bagi pesakit *yang sedang dalam rawatan radioterapi.*

Pendekatan tangani kanser makin canggih

IKN jadi pusat rujukan berprestij untuk rawatan

BH 31/1/2014 P. 32, 33

matan rawatan kanser yang menyeluruh termasuk kemoterapi dan radioterapi sebelum ini.

Perkembangan dan rawatan kanser sebelum ini menghadapi cabaran kerana ia memerlukan kemudahan serta ruang fizikal yang berbeza berbanding keperluan perkhidmatan lain, selain kos peralatan yang tinggi.

Peralatan merawat kanser seperti pemacu linear (linac) memerlukan struktur fizikal yang memenuhi kehendak undang-undang negara dan garis panduan antarabangsa seperti Agensi Tenaga Atom Antarabangsa IAEA) bagi memastikan keselamatan orang dan persekitaran.

Tujuh tahun lalu, kerajaan meluluskan pelan induk Kanser Kebangsaan bagi memberi laluan dalam usaha meningkatkan perkhidmatan kanser di seluruh negara dengan strateginya antara lain mewujudkan pusat kanser bagi setiap kawasan dan penubuhan Institut Kanser Negara (IKN) sebagai pusat rujukan kanser seluruh negara.

IKN yang juga hospital kanser pertama negara ini dibina yang diilhamkan Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood pada 2004, dan siap sepenuhnya pada 16 Ogos

watan kanser yang meliputi rawatan dan penjagaan pesakit kanser, latihan dan penyelidikan.

Kemudahan di IKN

Pengarah IKN, Dr Asmayani Khalib, berkata antara kemudahan hospital ini termasuk sembilan wad, lapan katil Unit Rawatan Rapi (ICU), 28 bilik pengasingan bagi pesakit dalam rawatan iodin radioaktif, empat dewan bedah, Unit Rawatan Harian Onkologi dan klinik pesakit luar merangkumi Klinik Onkologi, Klinik Perubatan Nuklear dan Klinik Pelbagai Disiplin.

Selain itu, perkhidmatan yang ditawarkan termasuk perubatan onkologi, radioterapi, perubatan nuklear, paliatif dan pembedahan onkologi.

Lebih menarik, hospital itu mempunyai 28 unit pengasingan bagi rawatan iodin radioaktif menerusi perubatan nuklear, yang juga dianggap terbesar di dunia setakat ini.

Pesakit yang sudah mendapat rawatan iodin radioaktif ini perlu diasingkan dan bilik ini dilengkapi kemudahan televisyen dan bilik air.

"Apabila pesakit minum radioaktif iodin, secara tidak langsung

"Rawatan paliatif turut ditawarkan dengan tujuan meningkatkan kualiti hidup pesakit dan keluarga mereka. ***Perkhidmatan ini dapat mengurangkan simptom yang dihadapi pesakit terutama dalam***

AKHBAR : BERITA HARIAN

HARI : JUMAAT

TARIKH : 31 JANUARI 2014

Rawat kanser macam beli ubat di kedai

BH 31/1/2014 P.33

Kes pertama

Hamidah (bukan nama sebenar), berusia 50-an, sejak dua bulan lalu sering mengasingkan diri dan banyak termenung, enggan bertemu dengan orang ramai. Bisul di payu daranya semakin membesar. Keluarganya membawa dia berjumpa seorang 'ustaz' (tradisional) untuk berubat. Tanpa ke hospital, berulang kali bertemu dengan 'ustaz' yang hanya menggunakan alasan terkena buatan orang. Ribuan ringgit habis berubat secara tradisional, akhirnya dia mengalah dan berjumpa doktor. Doktor mengesahkan dia menghidap kanser payudara tahap empat.

Kes kedua

Maznah (bukan nama sebenar), 40, menyedari ada bengkak di bahagian payudaranya. Sebaik membuat pemeriksaan sendiri, dia terus ke hospital untuk mendapatkan pengesahan dan rawatan. Doktor mengesahkan dia menghidap kanser payudara peringkat pertama dan memerlukan pembedahan serta rawatan selanjutnya termasuk kemoterapi dan radiasi. Kini, selepas 10 tahun, dia bebas daripada penyakit itu dan menjalani kehidupan lebih bermakna.

Umpama pergi membeli-belah dari satu kedai ke satu kedai. Inilah sikap sesetengah pesakit kanser yang lebih gemar berubat secara tradisional pada peringkat awal mengetahui menghidap penyakit maut itu.

Pantang mendengar mana-mana bomoh atau 'ustaz' yang dikatakan pandai mengubat, tidak kira jauh atau terpaksa berhabis ribuan ringgit, tetap diredah untuk mendapatkan rawatan yang tidak dibuktikan boleh menyembuhkan penyakit itu.

Dua kes di atas antara realiti yang sering berdepan dengan mereka yang disahkan menghidap penyakit kanser.

Lebih menyedihkan, apabila tiada usaha mendapatkan rawatan hospital, tetapi bergantung sepenuhnya kepada rawatan tradisional atau bomoh untuk mengubatinya. Pada akhirnya, nyawa tidak dapat diakhir dan tidak dapat diubati.

Ketua Jabatan Radioterapi, Institut Kanser Negara (IKN), Dr Gerard Lim Chin Chye, berkata sikap masyarakat yang lebih mempercayai bomoh atau perubatan tradisional berbanding mendapatkan rawatan dengan perubatan moden yang ternyata sudah dibuktikan secara saintifik menyebabkan kebanyakan pesakit tidak dapat diselamatkan.

"Jika diikutkan kebanyakan jenis kanser boleh dirawat jika dikesan pada peringkat awal dan peluang untuk sembuh lebih tinggi. Tetapi banyak kes, pesakit lebih gemar berjumpa dengan 'bomoh' atau pengamal perubatan tradisional tanpa pergi merujuk ke pakar perubatan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Dr Gerard Lim

Tidak salah menggunakan kaedah perubatan alternatif yang sudah ada pembuktian dari segi kajian klinikal misalnya akupuntur dan rawatan sesetengah herba.

"Di IKN, misalnya, selepas pesakit menjalani rawatan kemoterapi, mereka juga boleh menggunakan kaedah perubatan komplementari untuk mengurangkan kesan sampingan termasuk muntah dan loya.

"Kita di sini ada Unit Perubatan Komplementari yang menawarkan perubatan tradisional Cina iaitu akupuntur dan urutan tradisional Melayu," katanya.

Perubatan alternatif di luar sering diuar-uarkan mampu mengubati penyakit kanser, kemungkinan ada satu dua kes yang berjaya, tetapi kebanyakannya gagal.

"Ramai pesakit kanser yang akhirnya terpaksa datang juga mendapatkan rawatan di hospital selepas gagal mengubati penyakit mereka menggunakan rawatan alternatif atau tradisional.

Dr Gerard tidak menolak gaya hidup masyarakat termasuk tabiat merokok dan diet tidak seimbang banyak menyumbang kepada peningkatan kadar penyakit kanser.

Justeru, katanya, pemeriksaan kesihatan secara berkala perlu dilaksanakan selain menjalani gaya hidup dengan lebih